

# **KONSEP KENDIRI (Part 6)**

Azizi Hj Yahaya

## **Konsep Kendiri Dalam Hubungan Keluarga**

Kedudukan diri tingkah laku Sears mencadangkan perkembangan sebagai rantai peristiwa yang berterusan dan akan diganti. Asuhan kanak-kanak adalah proses yang berterusan. Interaksi kanak-kanak dengan ibu bapa akan memberi kesan ke atas tingkah laku mereka pada masa sekarang dan juga tingkah laku pada masa hadapan. Menurut Sears's perkembangan tingkah laku dapat dinyatakan sebagai proses berterusan, keadaan yang teratur dan dapat mencorakkan tingkah laku kanak-kanak. Sosialisasi diperlukan bagi melengkapi proses perkembangan.

Oleh itu, keadaan sosial menetapkan tiga fasa perkembangan iaitu fasa pertama berkaitan dengan tingkah laku peringkat permulaan. Fasa ini bergantung pada keperluan awal, semula jadi dan berlaku pada enam bulan pertama bayi. Fasa kedua pula berkaitan dengan sistem motivasi menengah berdasarkan pembelajaran berpusatkan keluarga. Manakala fasa ketiga adalah berdasarkan pembelajaran selain daripada keluarga. Fasa ini memperkenalkan pengalaman persekitaran yang lebih luas daripada lingkungan keluarga. Setiap aspek perkembangnani ini adalah bergantung antara satu sama lain dan perkembangan setiap fasa adalah sama.

### **i) Fasa pertama( Perkembangan tingkah laku permulaan)**

Dalam fasa ini perkembangan tingkah laku adalah berasaskan kepada pengurangan ketegangan dalaman yang berpunca daripada desakan dalaman. Proses ini berlaku dalam lingkungan enam bulan pertama selepas kelahiran. Keperluan dalaman menghasilkan keinginan dan isyarat supaya bertindak. Apabila ketegangan berlaku, beberapa respon dilakukan untuk mengurangkan ketegangan tersebut. Contohnya apabila bayi lapar, dia akan menangis untuk menarik perhatian ibu supaya diberi susu. Bayi adalah autistik dan tidak mempunyai kesedaran berkenaan dunia sosial. Lama-kelamaan, bayi menyedari cara pengurangan ketegangan adalah berkaitan dengan tindakannya. Oleh itu, dia akan mengulangi tindakan tersebut untuk mengurangkan ketegangan dan ia dilihat sebagai pengalaman yang menyeronokkan.

Dalam fasa ini, kecerdasan, kebolehpercayaan dan kemesraan ibu bapa memberikan peneguhan yang penting. Pada usia setahun, kanak-kanak menganggap bahawa ibu adalah orientasi bagi mereka, di mana kehadiran ibu di sisi adalah sumber kepuasan. Selepas itu proses sosialisasi akan mengambil alih perkembangan tingkah laku yang seterusnya.

## ii) **Fasa kedua dan ketiga ( Sistem motivasi menengah )**

Selepas enam bulan pertama, keluarga menjadi pusat kepada pembelajaran bayi. Keluarga memberi penerangan kepada perkembangan zaman kanak-kanak bayi tersebut. Fasa ini melihat bahawa keluarga menjadi pusat pendidikan, dimana kanak-kanak membentuk personaliti berdasarkan asuhan orang yang lebih tua. Proses ini memberi kesan sosialisasi terbesar semasa zaman awal kanak-kanak iaitu antara enam bulan hingga lima tahun. Proses sosialisasi adalah proses bayi mempelajari cara hidup daripada pergaulan sosial dan dibentuk menjadi ahli anggota efektif dalam kumpulan itu. Manusia mempelajari nilai, sikap, norma dan budaya supaya menjadi manusia yang berkeupayaan untuk bersosial. Setiap individu dalam kumpulan itu adalah unik tapi pada masa yang sama dia juga mempunyai persamaan dalam kumpulannya.

Dalam proses sosialisasi aspek-aspek asas kehidupan menjadi subjek kepada latihan sosial dan digabungkan ke dalam desakan menengah secara beransur-ansur. Contohnya kelaparan kanak-kanak tidak lagi bergantung pada pengenduran ataupun pengecutan perutnya, tetapi mempunyai hubungan dengan bau makanan ataupun tanda-tanda seperti membuka peti sejuk. Dalam kes ini desakan menengah menjadi motif utama dalam tindakannya kecuali persekitaran sosialnya gagal membekalkan peneguhan yang diperlukan. Ibu memainkan peranan yang penting dengan menjadi agen peneguhan dengan mengubah tingkah laku kanak-kanak dan membentuk tingkah laku yang lebih matang. Ibu juga perlu merangsang anaknya untuk bersosial dan berkomunikasi. Hal ini membolehkan kanak-kanak menjadi lebih matang.

Dalam proses penarikan balik kasih sayang, hukuman adalah lebih berkesan daripada ganjaran. Hukuman menunjukkan keengganan ibu bapa menyokong tingkah laku anak mereka. Bagi kanak-kanak penarikan balik kasih sayang secara tiba-tiba bermaksud ibu tidak lagi menyayangi dirinya. Proses ini juga melibatkan pengubahsuaian bagi sistem motivasi. Contohnya dalam menukar tabiat penyusuan.

Pada umur dua tahun, kanak-kanak memperoleh banyak kawalan diri ke atas desakan dirinya di samping bimbingan ibu bapa. Kawalan diri adalah proses di mana kanak-kanak menerapkan harapan dan menyerap ibu bapa secara beransur-ansur ke dalam konsep kendirinya. Kanak-kanak akan meniru tingkah laku ibu bapanya yang paling mirip kepada kasih sayang ibu bapa dan akan menggabungkannya dengan tindakan mereka sendiri. Apabila mereka di sekolah, mereka dapat menyerap pembelajaran daripada luar kawasan keluarga. Persekutaran sosial yang luas ini mensosialisasikan mereka.

CONTINUE...